

KELAS : _____

NAMA MURID : _____

Soalan 1

FAKTA TENTANG GERHANA

Taipkan **Gerhana Bulan** ataupun **Gerhana Matahari** pada ruangan jawapan bagi pernyataan berikut :

Berlaku pada fasa anak bulan.

Berlaku pada waktu malam.

Berlaku pada waktu siang.

Berlaku pada fasa bulan purnama.

Mengambil masa beberapa minit.

Mengambil masa beberapa jam.


Soalan 2

Arahan: Nyatakan sama ada pernyataan berikut adalah 'Benar' atau 'Salah'.

- a. Gerhana Bulan berlaku apabila Matahari, Bumi dan Bulan berada pada satu garis lurus.
- b. Gerhana Bulan berlaku pada waktu siang hari.
- c. Gerhana Bulan separa kelihatan apabila Bulan berada di kawasan gelap penuh.
- d. Gerhana Bulan hanya berlaku semasa fasa Bulan purnama kerana Bumi berada di antara Matahari dan Bulan semasa fasa Bulan purnama.
- e. Fenomena gerhana berlaku disebabkan sifat cahaya yang bergerak lurus dan tidak dapat menembusi objek legap

Soalan 3

- a. Isi tempat kosong dalam rajah di atas dengan perkataan-perkataan berikut : **Kawasan gelap penuh, Kawasan gelap separa** ATAU **Kawasan tiada gerhana**



- b. Kedudukan Bulan yang manakah, X, Y dan Z yang akan menghasilkan gerhana Bulan penuh?


- c. Apakah yang akan berlaku apabila Bulan berada di kedudukan Z?

- d. Nyatakan fasa Bulan ketika fenomena gerhana Bulan berlaku.

Soalan 4

Sila susun gambar rajah peringkat-peringkat gerhana mengikut urutan yang betul daripada pilihan jawapan yang diberi. *'Drag and Drop'*

Pilihan jawapan

			
Gerhana separa	Tiada gerhana	Gerhana bulan penuh	Gerhana separa

Ruangan jawapan

Soalan 5

Pilih dan tanda betul (✓) pada sifat- sifat cahaya yang menyebabkan berlakunya gerhana Bulan.

- i. Cahaya bergerak lurus ☐
- ii. Cahaya boleh dibiasakan ☐
- iii. Cahaya tidak dapat menembusi objek legap ☐
- iv. Cahaya boleh dipantulkan. ☐

Soalan 6

a. Lengkapkan kesimpulan berkaitan gerhana Bulan

Gerhana Bulan berlaku apabila _____ berada di antara _____ dengan _____ pada garis lurus. Pada masa ini, _____ menghalang cahaya Matahari sampai ke _____.

b. Pada 15 hari bulan ketika fasa Bulan purnama, gerhana Bulan penuh dijangka berlaku di bandar Q tetapi tiada bulan yang dapat dicerap pada malam tersebut. Tandakan (✓) pada inferens yang sesuai.

- i. Bulan tidak kelihatan kerana berwarna hitam apabila berlaku gerhana Bulan penuh. ☐
- ii. Bulan tidak kelihatan kerana gerhana berlaku di kawasan lain akibat putaran Bulan yang lebih cepat mengelilingi Bumi. ☐
- iii. Bulan tidak kelihatan kerana malam itu hujan turun. ☐
- iv. Bulan tidak kelihatan kerana cuaca mendung dan dilindungi awan yang tebal. ☐